

**BIRUMA GUNSEI NO KAIKO (KENANG-KENANGAN
PENTABIRAN TENTERA JEPUN DI BURMA, 1942 —
43) OLEH LT. GENERAL IIDA SHOJIRO, PANGLIMA
PASUKAN TENTERA JEPUN DI BURMA, 1941 — 43:
PENGENALAN DAN TERJEMAHAN**

Abu Talib Ahmad
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang

PENGENALAN

Kerjasama Jepun-Burma di tahun-tahun 1942 - 45 sedikit sebanyak telah ditetapkan pada tahun 1942 lagi. Di dalam pengertian ini, sikap, pandangan serta peranan Lt. General Iida Shojiro merupakan faktor yang terpenting sekali.

Iida Shojiro dilahirkan pada tahun 1888 zaman awal pemerintahan Meiji di Yamaguchi Ken, satu wilayah yang juga terkenal sebagai tempat lahir beberapa pemimpin-pemimpin kerajaan Meiji seperti Ito Hirobumi.

Karier ketenteraan Iida sebelum tahun 1937 tidak menunjukkan sebarang prestasi yang boleh dibanggakan malah ada penulis yang mengatakan prestasinya boleh disifatkan sebagai sederhana. Beliau ialah seorang graduan Kolej Staf Tentera dan pada tahun-tahun 1930-an telah memegang berbagai-bagai jawatan. Ini bermula dengan Ketua Staf Tentera Kawasan ke-4 yang berpusat di Osaka dan pada bulan Mac 1937, beliau dilantik sebagai Pengarah Biro Hal Ehwat Awam di Kementerian Tentera Darat. Dari bulan April 1937 hingga bulan Januari 1938 beliau dilantik sebagai Pengarah Hal Ehwat Tentera di Kementerian yang sama.

Pada tahun 1938 Lt. General Iida Shojiro telah dilantik sebagai Ketua Staf Tentera Pertama yang sedang berperang di negeri Cina. Pada tahun berikutnya beliau telah ditukar ke Taiwan untuk mengetuai Tentera Kawasan Taiwan. Pada tahun 1940 beliau kemudiannya mengepalai pasukan elit tentera darat — Divisyen Konoye — yang kemudiannya terlibat dengan penaklukan Tanah Melayu dan utara Burma. Pada bulan Julai 1941 Iida telah dilantik sebagai Panglima Pasukan Tentera ke-25 dan mengetuai pendudukan Indocina. Ketika pasukan ini diubahsuai di bawah General Terauchi Hisaichi, Iida telah dilantik sebagai Panglima Pasukan Tentera ke-15 yang bertanggungjawab terhadap peperangan di medan Thai-Burma-India. Sebagai Panglima pasukan inilah Iida telah mengetuai penaklukan Burma pada bulan Disember 1941 sehingga bulan Mei 1942. Tentera ini kemudiannya telah ditukar kepada Tentera Kawasan Burma dan Iida menjadi Panglimanya

sehingga ditukarkan pada bulan Mac 1943.

Iida tidak banyak meninggalkan tulisan berkaitan dengan pengalaman-pengalamannya. Cuma tiga sahaja yang dapat dikesan: dua yang masih belum diterbitkan dan disimpan di arkib Pejabat Sejarah Perang (Senshibu), Institute Pertahanan Jepun di Tokyo. Iida juga telah menulis sebuah buku, *Senjin Yuwa* (Kenangan Medan Perang) yang telah diterbitkan di Tokyo pada tahun 1967. Buku ini merupakan kritikan terhadap peranan tentera di dalam politik di tahun-tahun 1930-an dan 1940-an dan juga pengalaman pahitnya semasa menjadi tawanan perang di Rusia dari tahun 1945 hingga tahun 1952. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 1978.

Kenang-Kenangan Pentadbiran Tentera Jepun di Burma merupakan terjemahan tulisan asal Iida yang belum diterbitkan berjudul, *Biruma Gunsei to Dokuritsu o Kaiko shite* yang telah disiapkan pada tahun 1962. Ianya adalah sebahagian dari usaha kerajaan Jepun untuk mengumpul maklumat-maklumat penting berkaitan dengan penulisan sejarah Perang Dunia Kedua atau Perang Pasifik. Bahagian-bahagian tertentu tulisan Iida ini ada terdapat di dalam sejarah rasmi pendudukan Jepun di Burma *Biruma Koryaku Sakusen* (Kempen Penaklukan Burma) yang diterbitkan pada tahun 1967 tetapi sebahagian besarnya terus tidak diketahui umum khasnya mereka yang tidak boleh membaca tulisan Jepun.

Kebanyakan 'memoirs' pegawai-pegawai tinggi Jepun mengambil sikap yang begitu prejudis terhadap peranan yang dimainkan oleh Dr. Ba Maw dan dalam hal ini Iida berbeza sekali. Namun begitu *Kenang-Kenangan Pentadbiran Tentera Jepun di Burma*, sama seperti yang lain, mempunyai beberapa kekaburan dan Iida sering berpolemik tentang falsafah. Apakah tulisan ini merupakan satu usaha untuk mempertahankan segala kritikan dari berbagai-bagai pihak terhadap 'kelemahan' pentadbiran tentera yang di- asaskan olehnya pada tahun 1942.

Iida memang tidak terlepas dari kecaman-kecaman yang dibuat oleh bekas-bekas anggota *Minami Kikan* yang mengatakan beliau bertanggungjawab ke atas penangguhan kemerdekaan Burma pada tahun 1942. Iida juga dikecam oleh pegawai-pegawai Pasukan Selatan dan pegawai bawahan yang begitu kritikal terhadap usahanya untuk menggalakkan kemerdekaan Burma di bawah Dr. Ba Maw. Di samping itu Iida juga tidak terlepas dari beberapa kontradiksi. Sebagai seorang pegawai kanan di dalam hirarki tentera beliau begitu kritikal terhadap peranan politik yang dimonopoli oleh pegawai-pegawai tentera. Beliau juga kritikal terhadap mentaliti ketenteraan yang begitu meluas di Burma. Amat disangsikan, Iida akan dapat menukarkan ini semua atau membuat sebarang cubaan ke arah perubahan.

Akhir kata saya mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada beberapa individu yang telah memberikan bantuan. Kerjasama pegawai-pegawai arkib Pejabat Sejarah Jepun khasnya Profesor Morimatsu Toshio sentiasa dikenang. Saya juga berterima kasih kepada rakan-rakan di Universiti Monash dan Universiti Kyoto yang telah memberi bantuan untuk membuat transliterasi tulisan-tulisan Jepun pra-perang kepada bentuk yang dapat dibaca. *Mina sama ni arigato gozaimashita.*

TIDAK WUJUD KESERAGAMAN PENDAPAT BERKAITAN PENTADBIRAN TENTERA

Apa yang difahamkan dengan pentadbiran tentera ialah satu bentuk pentadbiran di mana tentera bukan sahaja memainkan peranan penting di dalam pentadbiran tetapi juga menentukan arah perkembangan politik masyarakat setempat. Jenis-jenis pentadbiran tentera yang ditubuhkan umumnya berasaskan kepada keadaan setempat tetapi kerap kali ini tidak berlaku.

Berasaskan kepada keadaan setempat terdapat tiga jenis pentadbiran tentera yang mungkin dapat diwujudkan. Jenis yang pertama ialah di mana rangka pentadbiran sebelumnya dapat dikekalkan dan terdapat juga masyarakat tempatan khasnya golongan pribuminya, telah memberikan sokongan yang berkesan kepada tentera yang menakluk dan seterusnya tentera yang memerintah. Segala kehendak-kehendak tentera yang berkuasa dari segi keperluan barangan penting dapat ditunaikan. Walaupun pentadbiran daerah dipulihkan khusus untuk menjamin tentera mendapat segala keperluan-keperluannya pihak tentera sanggup untuk memberikan hak-hak politik kepada pemimpin-pemimpin pribumi. Pada masa yang sama tentera juga cuba mengelakkan campurtangan di dalam hal-hal politik tempatan.

Berlawanan dengan di atas, terdapat jenis kedua di mana rangka pentadbiran tempatan telah menjadi porak peranda. Di kalangan penduduk tempatan terdapat penentangan terhadap tentera yang memerintah. Bila tentera yang berkuasa tidak pernah mendapat kerjasama yang diharapkan, sebuah pentadbiran yang dianggotai oleh pemimpin-pemimpin tempatan yang dipilih dibentuk. Pemimpin-pemimpin ini kemudiannya diasuh mengikut kehendak-kehendak tentera yang berkuasa dan bila mereka telah mencapai satu tahap kemampuan yang tinggi, pihak tentera cuba menggagalkan pentadbiran pribumi ini.

Jenis yang ketiga ialah di mana pihak tentera yang berkuasa mengambil alih kesemua tugas pentadbiran tanpa mengharapkan sebarang bantuan dari penduduk tempatan.

Apa yang ingin dijelaskan di sini ialah masalah untuk me-

mentukan pentadbiran tentera yang paling sesuai berdasarkan kepada keadaan setempat yang berbeza-beza tanpa menjejaskan kepentingan tentera Jepun. Dari segi realitinya, jarang benar tentera yang berkuasa diberikan pilihan-pilihan seperti yang dinyatakan di atas. Ini bukanlah merupakan satu perkara mustahil. Saya juga ingin menjelaskan beberapa perkara penting berkaitan dengan Burma semasa pentadbiran tentera ditubuhkan. Perkara-perkara itu adalah seperti berikut:

- 1/ Negeri Burma terletak di barisan hadapan dari segi kempen ketenteraan perang Asia Raya, dan
- 2/ Rakyat Burma telah memberikan kepercayaan penuh serta kerjasama kepada tentera Jepun. Kerjasama dan kepercayaan penuh ini berpunca dari peranan yang dimainkan oleh tentera Jepun di dalam pergerakan nasionalis Burma sebelum Disember 1941.

Apa yang jelas dari perkara di atas ialah kejayaan setiap operasi tentera, usaha-usaha pemulihan atau usaha-usaha untuk mendapatkan barang-barang yang perlu amat bergantung rapat kepada kerjasama penduduk tempatan. Pentadbiran tentera di Burma terpaksa dijalankan tanpa membuat sebarang dasar yang mengakibatkan rakyat tempatan menghentikan kerjasama mereka dengan tentera Jepun. Semasa membuat persediaan untuk menubuhkan Pentadbiran Burma Pusat (Chuo Gyosei Fu), saya mengarahkan tentera supaya mengeluarkan arahan-arahan umum sahaja kepada pemimpin-pemimpin Burma: pihak tentera tidak perlu mengeluarkan arahan yang khusus atau menjalankan sendiri arahan-arahan yang telah mereka keluarkan. Dari awal-awal lagi saya dapati pemimpin-pemimpin Burma perlu diberikan bantuan untuk mengatasi kekurangan serta kelemahan mereka. Saya juga berpendapat negeri Burma perlu diisytiharkan sebagai merdeka seberapa cepat yang boleh. Saya sering kali mengingatkan orang-orang bawahan saya supaya sentiasa berwaspada dari campurtangan di dalam hal-hal yang remeh temeh. Ini adalah bertujuan untuk memupuk kepercayaan penuh rakyat tempatan dan juga untuk mengelakkan timbulnya penentangan yang akan menyusahkan tentera Jepun sendiri untuk mendapatkan keperluan-keperluan penting.

Kesan pentadbiran tentera di Burma pada peringkat awalnya memang di luar dugaan sama sekali. Ketenteraman awam dan industri-industri yang telah dimusnahkan oleh peperangan telah dipulihkan dengan seberapa segera. Segala keperluan tentera juga dapat dipenuhi. Walau bagaimana pun jika dilihat dari kaca mata rakyat Burma terdapat satu perkara yang tidak menyenangkan. Di kalangan pemimpin-pemimpin dan pentadbir-pentadbir Burma terdengar sungutan serta bantahan tentang campurtangan di dalam bidang pentadbiran yang dilakukan oleh

tentera Jepun sebagai jauh lebih buruk dari zaman pentadbiran kolonial Inggeris sebelumnya.

Selepas itu timbul lagi satu perkara yang sama anehnya. Semasa penubuhan Pentadbiran Burma Pusat, saya telah memikirkan satu bentuk pentadbiran baru yang berbeza dengan bentuk yang pernah dilaksanakan di zaman kolonial Inggeris. Saya juga mengharapkan pentadbiran baru ini akan memberikan cukup persediaan kepada pemimpin-pemimpin Burma setelah kemerdekaan dicapai nanti. Saya juga berharap sistem ini akan dikekalkan selepas pembubaran pentadbiran tentera nanti. Walau bagaimana pun sistem pentadbiran yang dicadangkan ini tidak mendapat sebarang bantahan dari pihak atasan: bantahan hanya ditujukan kepada perkataan yang digunakan untuk Ketua Pentadbir (*chokan*). Saya tidak mengerti kenapa ini tidak boleh diterjemahkan sebagai Menteri (*daijin*). Harus diingatkan bahawa pemimpin-pemimpin Burma telah pun biasa dengan penggunaan menteri serta sistem kabinet di antara tahun-tahun 1937-42. Jadi saya tidak melarang bila *chokan* diterjemahkan sebagai Perdana Menteri. Walau pun begitu saya percaya penggunaan *chokan* agak berlainan sedikit untuk satu sistem pentadbiran yang baru. Apa yang jelas dari episod ini ialah tentera Jepun telah pun menetapkan penggunaan *chokan* di dalam Bahasa Jepun dan sekiranya ini diterjemahkan sebagai Perdana Menteri saya tidak nampak apa salahnya. Yang saya tidak mengerti ialah terdapatnya kebimbangan yang tidak menentu di Saigon berkenaan dengan hal-hal kecil tanpa mengambil kira keadaan setempat.

Bagi orang lain, perkara-perkara yang saya nyatakan di atas mungkin dianggap remeh tetapi tidak kepada 'kami'. Sebenarnya dari segi prinsip kehendak-kehendak pentadbiran tentera dan operasi ketenteraan tidak ada perbezaan tetapi memang susah untuk mendapatkan keseragaman pendapat di antara pegawai-pegawai di Rangoon dan di Saigon. Yang sungguh menyedihkan lagi ialah seringkali kebolehan pegawai-pegawai di Burma diperkecil-kecilkan.

Bagaimanakah caranya untuk mendapatkan keseragaman pendapat? Setiap pegawai tentera sebenarnya telahpun mempunyai pengetahuan tentang cara peperangan serta tanggungjawab mereka di medan pertempuran. Tetapi tidak bolehlah dikatakan bahawa mereka ini juga arif di dalam hal-hal berkaitan dengan pentadbiran tentera. Juga di kalangan pesuruhjaya tentera (*Shiseikan*) sendiri terdapat kekurangan pengetahuan berkenaan pentadbiran tentera. Amat baik sekali jika mereka dan juga pegawai-pegawai tentera yang lain diberikan pengetahuan khusus berkenaan keadaan politik dan sosial setempat sebelum mereka ini diberikan tugas-tugas penting di Asia Tenggara.

PERLUMBAAN MENDAPATKAN HAK-HAK PERDAGANGAN

Saya tidak mengetahui tentang keadaan yang sebenarnya berlaku semasa peperangan Cina-Jepun (1895) atau peperangan Rusia-Jepun (1905). Saya cuma mengetahui sedikit sebanyak dari pengalaman sendiri berkenaan peperangan Cina-Jepun (1937-45) yang baru lepas. Setiap kali kemenangan tentera Jepun di Cina, terdapat kemasukan pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga Jepun. Syarikat-syarikat besar terlibat di dalam pemulihan kilang-kilang yang musnah akibat peperangan sementara syarikat-syarikat yang kecil pula menggunakan pertalian peribadi untuk menjadi pemborong kepada tentera Jepun serta membuka kedai makan. Mereka juga berusaha untuk mendapatkan keuntungan yang maksima. Ini telah menjadi ciri utama di dalam perluasan ekonomi Jepun di seberang laut. Memang baik sekali khasnya untuk Jepun sekiranya syarikat-syarikat seperti di atas memahami benar-benar keadaan setempat yang berbeza-beza dan mengadakan rancangan-rancangan yang sesuai untuk kebaikan penduduk tempatan. Tetapi keadaan yang berlaku di Burma tidak seperti yang saya harapkan.

Di medan perang terdapat banyak penyelewengan dan penipuan yang dilakukan oleh syarikat-syarikat Jepun di atas nama tentera. Dengan pertolongan tentera syarikat-syarikat ini berjaya mengimport barangan dari Jepun dengan harga yang murah. Dengan nama tentera syarikat-syarikat ini membeli hasil-hasil tempatan dengan harga yang jauh lebih rendah dari harga pasaran terbuka. Syarikat-syarikat ini juga didapati membuat penipuan berkenaan dengan keperluan-keperluan tentera sendiri.

Di Burma tidak terdapat perubahan yang besar dari segi hak-hak rakyatnya akibat peperangan. Dari segi perundangan antara bangsa memang menjadi satu tanggungjawab tentera yang menakluk untuk mengendalikan setiap harta kepunyaan musuh dan kemudiannya memulangkannya semula selepas tamat peperangan. Di masa peperangan harta-harta musuh ini perlu dikendalikan oleh tentera kerana 1/ perlunya untuk meneruskan pengeluaran, 2/ menghindari berlakunya kesan-kesan buruk kepada penduduk tempatan sekiranya pengeluaran tidak diteruskan, dan 3/ untuk keperluan tentera sendiri. Berdasarkan sebab-sebab di atas kami tidak menyerah harta-harta musuh yang dirampas kepada syarikat-syarikat Jepun pada peringkat awalnya.

Sebelum tahun 1942 hampir 100 peratus industri di Burma dikuasai oleh pihak musuh dan selepas tahun 1942 memang tidak mustahil bagi industri kesemuanya diletakkan di bawah pengawasan pentadbiran tentera. Pihak tentera kemudiannya telah menyerahkan industri-industri ini kepada syarikat Jepun ini untuk diuruskan. Namun begitu saya amat sangsi syarikat-syarikat Jepun ini memahami sepenuhnya falsafah yang telah dinyatakan di atas.

Pada masa yang sama pihak tentera juga terlibat dalam usaha untuk mendapatkan bahan-bahan penting serta perancangan pembangunan untuk masa hadapan Burma. Ini dapat dilihat dari lombong pelambam di Bawdwin di utara Burma. Walau pun lombong ini telah diberikan kepada sebuah syarikat Jepun untuk diusahakan arahan telah dikeluarkan supaya aktiviti perlombongan tidak dijalankan begitu intensif sehingga pelambam pupus dan menimbulkan masalah alam sekitar yang begitu ketara. Syarikat yang terlibat juga telah diingatkan bahawa lombong ini akan dikembalikan kepada tuan punya asalnya selepas tamat peperangan nanti seperti mana yang dikehendaki oleh undang-undang antara-bangsa. Falsafah ini telah dibantah keras oleh syarikat-syarikat Jepun yang mahukan dasar pentadbiran harta musuh serta pengeluaran yang diubahsuai.

Sebenarnya syarikat-syarikat Jepun pada masa itu lebih cenderung untuk mengaut keuntungan yang besar. Kecenderungan ini berleluasa sehingga ada di antara mereka yang telah menubuhkan lobi di kementerian-kementerian yang berkenaan untuk mendapatkan hak-hak ekonomi. Pegawai-pegawai kementerian juga terlibat sama sebagai wakil tidak rasmi syarikat-syarikat tertentu.

Merujuk kepada aktiviti ekonomi rakyat Jepun saya sering terdengar keluhan rakyat pribumi di Burma yang mengatakan bahawa campurtangan Jepun sama ada di bidang ekonomi atau politik jauh lebih meluas dari yang terdapat pada zaman kolonial Inggeris. Ini memang kita perakui kerana terdapat penyelewengan dari segi pelaksanaan dasar pentadbiran tentera itu sendiri. Saya berpendapat rakyat Jepun mempunyai tanggungjawab moral untuk membantu rakyat pribumi di dalam bidang ekonomi. Jika terdapat kekurangan pengurus pribumi di bidang pengurusan latihan yang sewajarnya haruslah diberikan kepada rakyat pribumi yang menunjukkan minat atau kemampuan di dalam bidang ini. Ringkasnya tanggungjawab moral adalah lebih penting daripada kecenderungan untuk mendapatkan keuntungan yang besar.

BENARKAH TERDAPAT CAMPURTANGAN YANG BERLEBIHAN?

Berkenaan dengan pentadbiran tentera di Burma terdapat kritikan dari rakyat pribumi bahawa Jepun terlalu mengambil tahu hingga kepada perkara-perkara yang remeh. Dari segi pelaksanaan pentadbiran tentera itu sendiri memang tidak dinafikan terdapat campurtangan di dalam banyak hal.

Seperti yang telah dijelaskan awal-awal lagi asas pentadbiran tentera dan perlaksanakannya ialah kerja sama yang erat antara

rakyat pribumi dan tentera Jepun. Saya juga telah mengarahkan kesemua pentadbir Jepun mengelakkan campurtangan seberapa yang boleh. Ketika menjadi Panglima Tertinggi Tentera (Shireikan), saya tidak pernah mengeluarkan arahan kepada rakyat pribumi dengan sewenang-wenangnya. Berkaitan dengan pengajaran bahasa Jepun di sekolah-sekolah untuk menggantikan bahasa Inggeris saya mengatakan perlaksanaannya tidak melibatkan paksaan dan terpulanglah kepada rakyat Burma sendiri untuk menerima atau menolaknya. Saya juga dapati ada pegawai-pegawai rendah yang telah menggunakan nama dan pangkat saya untuk memaksa penukaran sistem kehakiman yang berasaskan sistem Inggeris kepada sistem Jepun. Saya terpaksa mengeluarkan arahan-arahan untuk memberhentikan usaha-usaha ini. Selain daripada dua kes di atas tidak terdapat sungutan campurtangan di dalam hal-ehwal pentadbiran kerajaan Burma. Walaupun begitu suara tidak puas hati terus berkumandang di kalangan rakyat pribumi.

Pentadbiran tentera di Burma dijalankan dengan tujuan pemulihan ekonomi, pentadbiran dan ketenteraman awam seperti yang terdapat pada tahun-tahun sebelum perang. Tentera Jepun juga perlu mendapatkan bahan-bahan mentah dan sistem pengangkutan juga perlu dipulihkan supaya barang-barang mentah yang berkurangan di Jepun dan didapati di Burma dapat diangkut dengan cepatnya ke Jepun.

Pentadbiran kerajaan pribumi telah dapat diwujudkan dalam masa yang begitu singkat tetapi tidak mudah bagi 'kami' untuk memberikan tanggungjawab dan kuasa sepenuhnya di dalam bidang ekonomi. Di dalam bidang import-eksport, 'kami' tidak memberikan kepercayaan kepada kerajaan Burma kerana tidak ada kemahiran dari segi pengurusan dan tenaga. Juga tentera Jepun telah mengambilalih pentadbiran bidang-bidang ekonomi yang pernah dikuasai Inggeris. Saya berpendapat memang amat susah untuk membuat perubahan yang begitu mendadak. Kerjasama di antara kedua-dua pihak kerajaan pribumi dan pentadbiran tentera — adalah penting di dalam hal-hal seperti di atas untuk kebaikan bersama.

Berkaitan dengan masalah campurtangan dan perasaan ketidakpuasan rakyat pribumi perkara yang menyayat hati sekali ialah pembinaan jalan keretapi Thai-Burma atau keretapi maut. Pembinaannya telah dimulakan pada pertengahan tahun 1942. Terdapat berbagai-bagai rintangan yang besar seperti bukit bukau dan hutan rimba yang tebal yang terpaksa dilalui. Disebabkan oleh kehendak pengangkutan yang begitu mendadak tempoh dua tahun pembinaannya telah disingkatkan kepada beberapa bulan sahaja. Kerajaan Burma telah bersetuju untuk menyediakan 50,000 orang buruh dan angka ini dipenuhi mengikut keluasan dan kepadatan penduduk

sesuatu daeran. 'Kami' sangat mengharapkan kerjasama yang erat dari pegawai-pegawai Burma terutamanya di peringkat gabenor dan ketua kampung. Dan kerjasama yang sangat memuaskan telah 'kami' dapati. Pada peringkat awalnya rakyat Burma memang begitu rela untuk berkhidmat sebagai buruh dan seringkali mereka ini dihantar selepas diadakan pesta yang begitu meriah. Ini telah berubah kemudiannya. Kami membayar gaji mereka tetapi keadaan tempat tinggal, jenis kerja dan penyakit yang bermaharajalela menyebabkan beribu-ribu buruh mati atau melarikan diri. Akibatnya pengambilan buruh di peringkat berikutnya dibuat dengan cara paksaan atau dengan cara penipuan.

Walaupun begitu, pembinaan landasan keretapi Thai-Burma ini selesai pada bulan Oktober 1943. Penglibatan tenaga buruh pribumi secara beramai-ramai — di samping mereka yang menjadi buruh tentera — telah memberikan kesan yang besar kepada sistem pertanian yang sedia ada.

Burma ialah sebuah negara pertanian yang berasaskan kepada penanaman padi dan merupakan pengeksport beras yang terbesar ke India. Rakyat Burma tidak pernah terfikir bahawa mereka akan menghadapi kebuluran atau kekurangan beras. Apa yang terjadi memang di luar dugaan mereka. Akibat penglibatan buruh di dalam sektor pembinaan terdapat kekurangan buruh pertanian yang menyebabkan pengeluaran beras berkurangan. Sistem pengagehan juga menjadi porak peranda disebabkan sistem pengangkutan yang kucar kacir. Di setengah tempat terdapat kekurangan beras dan kebuluran. Petani juga menghadapi masalah untuk memasarkan hasil pertanian mereka. Kesemua ini merupakan perkara baru di Burma dan kerajaan Burma memang bersungguh-sungguh untuk memperbaiki keadaan ini. 'Kami' sedar akan masalah-masalah ini dan 'kami' telah memberikan bantuan yang sepatutnya kepada kerajaan dan rakyat Burma.

Satu perkara yang berlaku di zaman pentadbiran tentera di Burma berkait rapat dengan penambahan pegawai-pegawai tadbir Jepun (shiseikan). Saya diberitahu oleh Major General Isayama Haruki, Timbalan Ketua Staf, sekembalinya dari Tokyo bahawa sekumpulan 300 orang pegawai akan dihantar sedikit masa lagi. Reaksi saya ialah: "Apakah tugas yang akan diberikan kepada mereka nanti?" Tanpa sebarang fungsi, kita akan arahkan mereka berihat sahaja. Walau bagaimana pun pada 1 Ogos 1943 terdapat di antara 800-900 pegawai tadbir Jepun dan bilangan sebanyak ini tidaklah memeranjatkan.

Selepas kemerdekaan Burma, pegawai-pegawai tadbir Jepun telah diterapkan ke dalam pentadbiran pribumi untuk membantu kekurangan-kekurangan yang sedia ada. Tidak dapat dinafikan bahawa pentadbir-pentadbir Jepun ini telah memberikan sumbangan

yang penting khasnya di dalam pentadbiran daerah.

Memang dapat diterima sungutan rakyat pribumi yang mengatakan bahawa pentadbir-pentadbir Jepun tidak berfungsi seperti mana yang diharapkan dan sebaliknya mereka ini terlalu campurtangan di dalam pentadbiran daerah. Ini mungkin satu penilaian yang berat sebelah. Sebenarnya 'kami' amat berbangga sekali dengan kerjasama kerajaan dan rakyat Burma tetapi mereka juga tidak harus melupakan sama sekali tugas serta khidmat yang diberikan oleh pegawai-pegawai Jepun yang begitu bersusah payah di dalam menunaikan kewajipan mereka. Secara peribadi saya berpendapat rakyat Burma seharusnya berterima kasih kepada individu-individu Jepun seperti ini.

PANDANGAN DAN HAL-HAL BERKAITAN PEMILIHAN PEMIMPIN-PEMIMPIN BURMA

Pada bulan Jun tahun 17 Showa (1942) sebuah Jawatankuasa Persediaan (Jumbi Iinkai) untuk menubuhkan Pentadbiran Burma Pusat (Biruma Gyosei Fu) telah dilantik. Oleh kerana ahli-ahlinya nanti akan menjadi pemimpin-pemimpin sebuah negara yang merdeka, saya telah memberikan pandangan yang begitu serius kepada pemilihan mereka. 'Kami' tidak menghadapi sebarang masalah untuk memilih ahli-ahli biasa: masalah hanya timbul ketika memilih Pengerusinya kerana siapa yang menjadi pengerusi dijangka akan dilantik sebagai Perdana Menteri sebuah negara Burma yang merdeka.

Memang pada peringkat awal lagi saya tidak bercadang untuk mengalakkan parti politik. Saya lebih cenderung kepada satu sistem yang berdasarkan perwakilan semua golongan rakyat Burma yang bersedia untuk bekerjasama dengan 'kami'. Di zaman pentadbiran kolonial Inggeris sistem pemerintahan yang berasaskan pecah-dan-perintah telah mengakibatkan rakyat Burma tidak pernah bersatu padu. Untuk memperbaiki keburukan sistem kolonial Inggeris ini di dalam masa yang begitu singkat bukanlah merupakan satu perkara yang mudah. Peperangan telah pun berlangsung selama 6 bulan dan pemimpin-pemimpin tempatan serta orang-orang kenamaan yang telah berlindung di bahagian pedalaman dan di sekitar Mandalay telah pun dikesan. Mereka diseru untuk bekerjasama dengan tentera Jepun tetapi kebanyakannya enggan berbuat demikian dengan alasan sebuah kumpulan politik lain telah pun memberikan kerjasama.

Sebenarnya tentera Jepun telah pun membuat perhubungan rapat dengan sekumpulan nasionalis Burma yang anti-Inggeris dan mereka ini adalah dari kumpulan Thakin. Parti ini bercorak marhaen dan anggota-anggotanya mempunyai semangat anti-

Inggeris yang tebal. Perhubungan dengan tentera Jepun telah dilakukan pada tahun 1941. Bermula dengan Thakin Aung San dan diikuti dengan 28 (seorang lagi sedang menuntut di Jepun) belia-belia yang lain, mereka telah pergi ke Jepun untuk mendapatkan latihan ketenteraan demi untuk memperjuangkan kemerdekaan Burma. Pada tahun 1942 kumpulan ini telah memberikan kerjasama yang berkesan sekali kepada pasukan tentera Jepun ketika penaklukan Burma.

Memang tidak ada masalah bagi 'kami' untuk memilih ahli-ahli biasa Jawatankuasa Persediaan ini. Tetapi di kalangan anggota kumpulan Thakin tidak terdapat seorang individu yang boleh dikatakan sesuai untuk dilantik sebagai Pengerusi. Thakin Kodaw Hmaing (Hmine), Penaung kumpulan Thakin, sudah terlalu tua dan saya tidak boleh mengharapkan beliau untuk menjalankan tugas-tugas berat sebagai pengerusi. Penolongnya Thakin Mya Thwin, terlalu lembut perwatakannya dan pada masa itu, saya dapati sesuatu yang kurang dari segi kepimpinan beliau. Kemudian terdapat Dr. Ba Maw yang ketika itu sedang menjalani hukuman penjara di bandar Mogok kerana aktiviti-aktiviti anti-Inggeris di tahun-tahun sebelum perang. Saya bercadang untuk memilih beliau sebagai Pengerusi. Dr. Ba Maw juga mempunyai hubungan yang baik dengan kelompok Thakin sejak sebelum perang lagi. Kumpulan Thakin juga telah memberikan sokongan kepada pemilihan ini dan di kalangan pegawai-pegawai kanan tentera Jepun tidak terdapat sebarang bantahan kepada perlantikan Dr. Ba Maw sebagai Pengerusi.

Dr. Ba Maw berpendidikan Inggeris dan beliau merupakan seorang yang bijak serta berpengetahuan luas. Namun begitu beliau mempunyai perwatakan gelisah (gugup) dan tidak mempunyai penguasaan diri yang kuat. Beliau mempunyai sikap untuk mengeluarkan pendapatnya secara terbuka dan ini membuatkan beliau tidak begitu rapat dengan orang lain.

Seorang pelukis, Ito Usaburo yang pernah membuat potret Dr. Ba Maw berkata; "Ba Maw sangat berkebolehan untuk mengubah air mukanya dengan serta merta. Sekiranya beliau melibatkan diri di dalam seni lakun nescaya beliau akan menjadi seorang pelakon yang berjaya. Sehingga potretnya selesai saya masih tidak dapat membaca air mukanya yang sentiasa berubah."

Di kalangan ahli-ahli Jawatankuasa Persediaan tidak ada seorang yang lebih dihormati dari Dr. Ba Maw. Personalitinya meletakkan beliau di tahap yang lebih tinggi dari pemimpin-pemimpin Burma yang lain. Ahli-ahli politik ini sering mendengar nasihat-nasihatnya walaupun ini tidak berlaku kemudiannya kepada pegawai-pegawai tadbir Jepun.

Pada bulan Mac 1943 kerajaan Jepun dengan resminya memberitahu Burma bahawa kemerdekaan akan diisytiharkan pada 1

Ogos 1943. 'Kami' telah menetapkan bahawa Dr. Ba Maw akan dihantar ke Tokyo untuk tugas-tugas rasmi dan masalah yang timbul ialah untuk menentukan anggota-anggota rombongan ini.

Saya telah membincangkan hal di atas dengan pegawai bawah-an yang berkenaan — Major General Isomura Takesuka, Ketua Bahagian Pentadbiran Awam dan Isako Yorishige, Ketua Bahagian Hal Ehwal Politik. Salah seorang dari mereka memberitahu saya bahawa di kalangan pegawai-pegawai rendah Burma terdapat tentangan yang kuat terhadap Dr. Ba Maw. Kumpulan yang menentang ini sepatutnyalah dihantar untuk menyertai rombongan Dr. Ba Maw ke Tokyo bukan sahaja sebagai tanda perpaduan di kalangan pemimpin-pemimpin Burma tetapi juga sebagai sekatan kepada kebebasan Dr. Ba Maw.

Reaksi saya tentang pendapat di atas adalah seperti berikut: "Saya faham pendapat anda semua. Tetapi tidakkah tentangan terhadap Dr. Ba Maw itu bermula di kalangan orang-orang Jepun sendiri? Semasa perlantikan Dr. Ba Maw dibuat terdapat persetujuan bukan sahaja di kalangan pemimpin-pemimpin Burma tetapi juga di kalangan pegawai-pegawai Jepun. Selepas satu tahun ini telah berubah. Sekiranya ini berterusan kepercayaan pemimpin-pemimpin pribumi terhadap Jepun akan menjadi pudar dan terus hilang sama sekali pada masa hadapan. Sekiranya Dr. Ba Maw sudah tidak berguna lagi dapatkah anda berdua mencalonkan penggantinya? Tidak ada bukan?"

Dr. Ba Maw memang seorang yang bijak dan juga tidak teragak-agak untuk mengeluarkan buah fikirannya walaupun ini tidak menyenangkan mereka yang menerimanya. Beliau sering bertelingkah pendapat dengan pegawai-pegawai Jepun dan bilangan mereka yang tersinggung memang besar sekali. Ini dirumitkan lagi bila terdapat masalah campurtangan di dalam hal-ehwal pentadbiran yang dilakukan oleh pegawai-pegawai Jepun.

Dari apa yang saya lihat, hanya Dr. Ba Maw sahaja yang berkemampuan untuk menjadi seorang pemimpin sebuah negara Burma yang merdeka. Beliau bukanlah seorang yang hanya mengikut segala arahan Jepun dengan membabi buta. Setiap manusia mempunyai kekurangan masing-masing dan terpulanglah kepada 'kita' untuk memperbaikinya dan bukan untuk mengkritik sahaja.

Berkaitan dengan bakal anggota rombongan Dr. Ba Maw ke Tokyo sebenarnya haruslah dilihat dari tugas-tugas yang telah dilaksanakan oleh Dr. Ba Maw dengan cukup memuaskan. Oleh kerana kemerdekaan akan diberikan kepada Burma nanti, 'kita' mestilah memberikan kepercayaan penuh kepada pemimpin-pemimpin Burma. Saya memahami benar tentangan-tentangan yang disuarakan oleh kedua-dua pegawai di atas. Persetujuan akhirnya telah dicapai untuk memasukkan nama-nama Thakin Mya Thwin,

Colonel Aung San dan Dr. Thein Maung sebagai anggota rombongan Dr. Ba Maw ke Tokyo nanti.

Sebelum ini Perdana Menteri Tojo Hideki telah mengirim sepucuk surat kepada Dr. Ba Maw secara peribadi dan ini telah memberikan harapan baru kepada Dr. Ba Maw. Di dalam surat balasnya, Dr. Ba Maw menyatakan kegembiraannya untuk ke Jepun dan berharap akan dapat bertemu dengan Perdana Menteri Tojo untuk membincangkan berbagai-bagai masalah yang sedang dihadapi oleh Burma. Dr. Ba Maw juga menyatakan keinginannya untuk bertukar-tukar pendapat dengan Tojo tetapi tidak berpeluang untuk berbuat demikian disebabkan aturcara lawatan yang begitu ketat. Ba Maw menyalahkan Isomura, sebagai pegawai pengiring, berkenaan hal ini.

Saya telah pun ditukarkan dari Rangoon ketika Perdana Menteri Burma melakukan lawatan ke Jepun. Saya juga pernah mendengar berita percubaan membunuh Dr. Ba Maw. Sebenarnya seorang pegawai dari Sekretariat (Gunsei Kambu) didapati merayau-rayau tanpa tujuan berhampiran dengan tempat kediaman rasmi Dr. Ba Maw. Selepas disiasat didapati pegawai ini berpenyakit otak dan tidak dikenakan sebarang hukuman berat. Bagi saya ada sesuatu yang tidak kena di dalam kes ini.

Pada 1 Ogos 1943 Burma telah menyambut hari kemerdekaan dan Dr. Ba Maw telah dilantik sebagai Perdana Menteri dan Ketua Negara dengan rasminya. Perlantikan ini dibuat oleh Jawatankuasa Persediaan tetapi terdapat satu suara yang membantah.

Di saat terakhir sebelum kemerdekaan diisytiharkan ada pegawai-pegawai Jepun yang masih terus berusaha untuk menggantikan Dr. Ba Maw dengan salah seorang ahli Jawatankuasa Persediaan — Thakin Nu. Nu telah menolak cadangan ini.

Berasaskan kepada perkara-perkara di atas memang tidak syak lagi bahawa rakyat Jepun sendiri tidak begitu senang dengan perlantikan Dr. Ba Maw sebagai Ketua Negara Burma merdeka. Sekiranya Ba Maw terpaksa digantikan timbul pula masalah untuk mencari pengganti yang sesuai. Yang mungkin dapat dicalonkan sebagai pengganti hanyalah Thakin Aung San dan Thakin Nu.

U Nu ialah Perdana Menteri Burma yang pertama selepas kemerdekaan tahun 1948. Semasa menjadi Perdana Menteri beliau juga pernah meletakkan jawatan dan beliau bukanlah merupakan seorang pemimpin yang berkelibar. Sebelum tahun 1942, beliau pernah pergi ke Chungking sebagai anggota rombongan dari Burma dan saya mengambil berat tentang hal ini. Beliau juga mempunyai sifat pendiam. Pada tahun 1942 saya berpendapat Nu amat sesuai sekali diberikan tugas berkenaan dengan Hal Ehwal Agama dan Pelajaran tetapi sebaliknya telah memilih Kementerian Luar. Saya berpendapat beliau tidak mempunyai keupayaan langsung untuk

mengendalikan tugas-tugas berat. Beliau cuma menjadi Perdana Menteri di tahun 1947 selepas Aung San dan rakan-rakan lainnya ditembak mati — iaitu kerana nasib.

Kemudian saya ingin menyampaikan sepatah dua kata berkenaan Aung San. Beliau merupakan belia Burma yang pertama ke Jepun dengan tujuan untuk mendapatkan bantuan ketenteraan dan juga menjadi anggota *Minami Kikan*. Pada masa itu beliau berumur 25 tahun. Beliau juga menjadi pengasas penting Tentera Pembebasan Burma (Biruma Giyu Gun) dan kemudiannya, Tentera Pertahanan Burma (Biruma Boei Gun). Selepas 1 Ogos 1943 beliau menjadi Menteri Pertahanan di samping berkuasa ke atas pasukan tentera Burma. Pada bulan Mac 1945 beliau telah mengetuai pemberontakan tentera Burma dan bagi tentera Jepun pada masa itu, pengkhianatan ini tidak dapat dimaafkan. Selepas tahun 1945 beliau menjadi pemimpin Burma yang terkemuka dan berjaya memperjuangkan kemerdekaan Burma dari Inggeris walaupun terdapat tentangan-tentangan di kalangan rakyat Burma sendiri. Tidak syak lagi beliau adalah wira kemerdekaan Burma. Bersama-sama rakan-rakan kabinet yang lain beliau telah ditembak mati ketika sedang bermesyuarat. Ketika itu beliau berumur 32 tahun. Penghormatan yang diberikan oleh rakyat Burma hingga ke hari ini begitu tinggi sekali dan tidak syak lagi beliau ini mempunyai untung nasib (destiny) yang unik.

Tetapi Aung San semasa pemerintahan Jepun sangat berlainan sekali. Ciri-ciri kekampungan begitu nyata pada personaliti beliau dan langsung tidak mempunyai ketokohan untuk menjadi Perdana Menteri. Memang tidak diragukan pada masa itu beliau sangat berpengaruh di kalangan 30 Hero (30 Comrade) yang pernah dilatih di Jepun dan juga merupakan anggota penting di dalam Kabinet Dr. Ba Maw. Bagi saya, Aung San akan menunjukkan keupayaannya sebagai pemimpin ketika negara sedang menghadapi peperangan dan keadaan kelam kabut. Beliau bukanlah merupakan seorang yang boleh diharapkan menjadi pemimpin sebuah negara yang sudah mencapai kemerdekaannya dan menghadapi keadaan aman. Di samping itu beliau juga mempunyai tabiat tidak dapat bekerja di bawah orang lain. Saya memang tidak terfikir langsung untuk melantik beliau sebagai Perdana Menteri pada tahun 1942.

Apa yang jelas dari hal-hal di atas ialah pemilihan pemimpin sebuah negara yang baru dimerdekakan merupakan satu perkara yang sangat penting. Pemilihan, selepas dibuat, bukanlah boleh diubah dengan sewenang-wenangnya. Memang menjadi satu pantang larang sekiranya manusia itu dilihat dari kaca mata yang sempit atau manusia itu dipergunakan dengan sewenang-wenangnya. Bagi saya Dr. Ba Maw memang sangat sesuai sekali untuk dilantik sebagai Perdana Menteri. Beliau telah menjalankan tugas-tugasnya

dengan baik dan berjaya pula menyatupadukan seluruh rakyat Burma. Walaupun beliau seorang pentadbir yang baik, Dr. Ba Maw bukanlah boleh disifatkan sebagai seorang pemimpin. Kesilapan beliau ialah menggabungkan fungsi Perdana Menteri dan Ketua Negara kepada seorang individu.

Melihat kembali usaha-usaha Jepun untuk membangunkan regim boneka semasa peperangan terdapat berbagai-bagai pendapat yang tidak jujur serta sikap prejudis terhadap pemimpin sebuah negara yang mereka pilih. Patut diingatkan kepada mereka yang berkenaan bahawa penubuhan sebuah negara itu mestilah disifatkan sebagai satu usaha yang mulia dan suci. Ini harus dijadikan sebagai realiti dan bukannya untuk tujuan dakyah politik dan ketenteraan semata-mata.

JANGAN MEMANDANG RINGAN MASALAH-MASALAH WILAYAH

Di utara Burma di dataran tinggi Shan masih terdapat satu pemerintah feudal yang berasaskan raja-raja memerintah kawasan kepunyaan sendiri. Semasa Pentadbiran Burma Pusat ditubuhkan, Dr. Ba Maw telah membuat permohonan untuk menguasai pentadbiran wilayah Shan ini. Tetapi raja-raja Shan sebenarnya mempunyai sejarah yang panjang dan terdapat ramai di antara mereka yang tidak mahu diletakkan di bawah pentadbiran rakyat Burma dengan tergesa-gesa. 'Kami' menghormati kehendak-kehendak raja-raja Shan ini dan sebab itulah 'kami' tidak campurtangan di dalam hal ini. Di Taunggyi, pusat pentadbiran, politik dan ekonomi negeri-negeri Shan terdapat satu cawangan pentadbiran tentera di bawah *gunsei chokan* (pesuruhjaya pentadbiran tentera). Pegawai ini cuma berkuasa untuk memberikan pengawasan kepada raja-raja tempatan sahaja.

Saya sentiasa mengambil berat berkaitan dengan masalah wilayah khasnya ketika Burma merdeka. Oleh kerana perintah dari atas, 'kami' terpaksa menyerahkan Kengtung dan Mongpan kepada negeri Thai. Di samping itu bahagian selatan Burma di sekitar Tenasserim telah dipisahkan dari pentadbiran Burma dan diletakkan di bawah pentadbiran tentera laut. Kedua-dua perkara di atas adalah di luar dugaan dan kuasa 'kami' sama sekali. 'Kami' tidak diminta untuk memberikan pendapat berkenaan dengan hal ini dan kerajaan Dr. Ba Maw juga tidak pernah diminta pendapatnya. Tidak dapat dinafikan bahawa perkara-perkara ini merupakan punca ketidakpuasan rakyat pribumi kerana 'kami' sendiri pun tidak senang dengan keputusan yang dibuat.

Melihat kembali kepada masalah wilayah seperti di atas saya ingin memberikan beberapa pandangan yang mungkin tidak begitu

bererti. Semasa meletusnya peperangan, sebagai Panglima/Panglima Pasukan Tentera ke-15, saya telah menandatangani perjanjian Persahabatan dengan negeri Thai. Ketika perjanjian dibuat, Bangkok telah menyatakan keinginannya untuk turut serta di dalam kempen penaklukan Burma. Saya menolak permintaan Bangkok ini atas alasan akan timbul masalah-masalah berkaitan dengan wilayah nanti. Semasa kempen penaklukan Burma sedang berada di tahap genting, Kolonel Ishii Akiho, Ketua Operasi Pasukan Selatan Jepun di Saigon telah datang melawat 'kami' di Mandalay pada pertengahan tahun 1942. Ishii juga telah membawa perintah dari atas supaya tentera Jepun tidak menyeberangi Sungai Salween dan sebaliknya membiarkan pasukan tentera Thai mengusir tentera Cina di sekitar Kengtung. Oleh kerana ini adalah perintah sebagai seorang tentera saya terpaksa mengikut sahaja. Saya sempat bertemu dengan Lt. General Mutaguchi Renya, Panglima Tentera ke-18 yang terlibat di negeri-negeri Shan dan mengarahkan Mutaguchi supaya berundur bila sampai di tebing barat Sungai Salween supaya tentera Thai berpeluang untuk menghancurkan pasukan Cina. Pasukan Tentera ke-18 telah melakukan seperti arahan; tentera Cina berjaya berundur dengan selamatnya ke wilayah Cina tanpa memberikan peluang bagi tentera Thai untuk menunjukkan kekuatannya.

Berkenaan dengan wilayah Kengtung memang terdapat beberapa persamaan dengan Jepun seperti batu nesan yang mungkin dibawa oleh Yamada Nagamasa seorang penganut agama Kristian yang lari dari Jepun pada awal abad ke-17 dan kemudiannya menetap di sekitar Chiangmai. Walaupun begitu memang dirasakan bahawa negeri-negeri Shan dan negeri Thai mempunyai pertalian yang rapat. Berasaskan ini tidaklah mustahil sekiranya negeri Thai begitu berminat untuk menguasai Kengtung. Namun begitu wilayah ini telahpun ditadbirkan di bawah kerajaan Burma untuk sekian lamanya dan tanpa sebarang alasan yang kukuh, tentera di Tokyo telah mengasingkan Kengtung dan meletakkannya di bawah pentadbiran negeri Thai.

'Kami' juga begitu terperanjat bila kawasan selatan Burma di sekitar Tenasserim diletakkan di bawah pentadbiran tentera laut. Di kawasan ini memang terdapat pulau-pulau kecil serta teluk yang sesuai dijadikan sebuah pengkalan tentera laut. Sebenarnya tentera laut Jepun memang berniat untuk membangunkan sebuah pengkalan di Burma dan ini mungkin sebab penting langkah di atas diambil. Walau bagaimana pun ini telah menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat pribumi. Sekiranya langkah ini perlu sekali pun adalah lebih sesuai jika dilakukan melalui perbincangan dengan pihak yang berkenaan.

Memang menjadi satu penghinaan sekiranya sebuah negara

yang baru merdeka diperlakukan dengan sewenang-wenangnya seperti merampas bahagian-bahagian tertentu wilayahnya. Ini sudah semestinya akan memberikan kesan dari segi kerjasama rakyat pribumi kepada tentera Jepun. Sebenarnya negeri Thai telah pun mendapat 'hadiah' — negeri-negeri utara Tanah Melayu — sebagai ganjaran kerjasama yang diberikan kepada tentera Jepun pada bulan Disember 1941. Bangkok tidak sepatutnya diberikan Kengtung dan Mongpan dan 'kami' tidak mengerti langsung apakah alasan Tokyo untuk berbuat demikian. Atau ini mungkin dapat dimengertikan dengan hujah-hujah berikut.

Iklim dataran tinggi Shan sebenarnya amat sesuai sekali bagi rakyat Jepun. Sakurai Hyogoro, Penasihat Awam Pentabdiran Tentera (1942-43) telah membuat beberapa tinjauan ke negeri Shan sebaik sahaja tentera Jepun berkuasa di Burma. Sakurai berpendapat bahawa negeri Shan amat sesuai sekali untuk dimajukan oleh rakyat Jepun. Beliau juga berpendapat dari segi pengangkutan, kawasan ini akan dihubungi dengan jalan darat dari Indocina melalui utara Laos.

Dari segi prinsipnya saya tidak menyokong pendapat untuk mengambil sebahagian wilayah Burma untuk dijadikan kawasan jajahan Jepun. Saya juga telah mengarahkan Sakurai supaya tidak menghebohkan pendapatnya berkenaan kolonisasi di negeri Shan sekembalinya ke Tokyo nanti. Tetapi tidak lama kemudian saya masih juga terdengar pendapat yang serupa tersebar di Tokyo dan di Rangoon. Ini mungkin berpunca dari Sakurai Hyogoro atau rancangan seperti ini memang sudah bertunjang di kalangan rakyat Jepun yang tertentu. Bagi mereka ini tidak ada bezanya jika Kengtung dan Mongpan diserahkan kepada negeri Thai atau dijadikan wilayah Jepun.

Harus diingatkan bahawa negeri-negeri Shan merupakan separuh dari keluasan seluruh Burma. Sekiranya wilayah Burma terus dipecah-pecahkan 'kita' tidak diberikan kepercayaan oleh rakyat Burma selepas Burma mencapai kemerdekaannya nanti.

Rakyat Jepun memang begitu bersungguh di dalam hal-hal yang melibatkan wilayah mereka sendiri tetapi bersikap sebaliknya ketika menghadapi masalah wilayah negara lain. Apa yang penting di sini ialah perlunya rakyat Jepun memahami kehendak serta pendapat orang lain.

MINAMI KIKAN: KEJAYAAN DAN KEGAGALAN

Minami Kikan ialah sebuah organisasi yang pada peringkat awalnya diletakkan di bawah pengawasan tentera pusat di Tokyo. Pada penghujung tahun 1941 dan awal tahun 1942 *Minami Kikan* telah

bekerjasama dengan Pasukan Tentera ke-15. Ini bererti *Minami Kikan* juga tidak ada kaitan secara langsung dengan penubuhan pentadbiran tentera di Burma. Walau bagaimana pun saya ingin memberikan beberapa pandangan berkenaan *Minami Kikan* dari sudut Pasukan Tentera ke-15.

Untuk menyelesaikan peperangan di Cina dan untuk menutup jalan bantuan kepada regim Chiang Kai Shek tentera Jepun telah menguasai Indocina pada tahun 1941. Langkah ini sebenarnya tidak berkesan sekiranya Jalan Burma (Burma Route) tidak disekat. Ini telah menimbulkan kebimbangan di Tokyo. Hasil kebimbangan ini maka ditubuhkan sebuah organisasi perisik, *Minami Kikan*, di bawah Kolonel Suzuki Keiji pada tahun Showa 16 (1941). Tugas utama organisasi ini ialah untuk memberikan bantuan kebendaan kepada nasionalis Burma yang anti-Inggeris untuk memberontak dan dengan cara ini Jalan Burma akan ditutup.

Anggota-anggota *Minami Kikan* terdiri daripada bekas penuntut Sekolah Nakano (Nakano Gakko) pusat latihan perisik yang dikendalikan oleh Tentera Darat di Tokyo dan rakyat Jepun yang pernah bermastautin di Burma dan negeri Thai. Terdapat juga di kalangan anggotanya individu yang pernah aktif di Cina di tahun-tahun 1930-an dan kehidupan mereka ini agak berlainan dari biasa — penuh bahaya dan mistri. Anggota *Minami Kikan* telah menghubungi nasionalis Burma dan berjaya mendapatkan 30 orang belia Thakin untuk diberikan latihan ketenteraan di Jepun, Taiwan dan Hainan pada tahun 1941. Mereka ini dijadualkan akan dihantar balik ke Burma untuk memulakan gerakan bersenjata untuk menentang Inggeris.

Sebelum rancangan di atas dapat dijalankan perang Asia Timur telah meletus pada 7/8 Disember 1941. Ini memaksa *Minami Kikan* mengubah rancangan asalnya. *Minami Kikan* terpaksa mengikut rancangan yang telah ditetapkan di Tokyo dan diletakkan di bawah pengawasan Pasukan Tentera ke-15. Anggota-anggotanya juga diarahkan untuk memberikan kerjasama yang sewajarnya kepada 'kami'. Pada saat itu memang perlu sekali bagi *Minami Kikan* dan anggota-anggotanya untuk menukarkan haluan mereka tetapi ini adalah satu perkara yang sukar dilakukan.

Setelah perang meletus masalah berkaitan dengan kemerdekaan Burma telah diletakkan di dalam rangka dasar kerajaan Jepun yang lebih luas. *Minami Kikan* dan anggota-anggotanya terpaksa mengabaikan rancangan asal mereka untuk memajukan kemerdekaan Burma di atas usaha mereka sendiri. Bagi 30 orang belia Burma pengabaian ini merupakan satu yang pahit. Mereka telah pun bertungkus lumus berusaha untuk mendapatkan latihan ketenteraan hampir setahun lamanya. Mereka juga berkeyakinan di atas kemampuan mereka untuk berjuang mencapai kemerdekaan Burma

dengan bantuan rekrut-rekrut baru di dalam perjuangan secara gerila. Segala impian berkaitan kemerdekaan bagi 30 orang belia ini memang tidak mudah dilupakan.

Walaupun peperangan telah bermula anggota-anggota *Minami Kikan* telah merayu kepada 'kami', "Kami mahu berjuang sendirian untuk mendapatkan kemerdekaan bagi Burma dan tentera Jepun tidak perlulah untuk menyerang Burma secara besar-besaran. Cukup dengan memberikan bantuan dari luar sahaja". Kolonel Suzuki juga turut terpengaruh dengan pemikiran di atas. Walau bagaimanapun harus diingatkan bahawa perang Asia Timur dapat diibaratkan sebagai sebuah jentolak yang menolak arus lopak di mana *Minami Kikan* hanya merupakan sebiji batu kecil sahaja.

Minami Kikan sebenarnya telah membuat persiapan rapi dari segi keperluan tenaga dan kelengkapan di beberapa tempat tertentu di sempadan Burma-Thai. *Minami Kikan* juga telah menggunakan persediaan ini untuk membantu Pasukan Tentera ke-15 untuk menakluki bahagian selatan Burma termasuk bandar Rangoon pada Mac 1942. Tentera Pembebasan Burma (Biruma Giyu Gun) juga turut sama memberikan kerjasama yang berkesan.

Di Rangoon keputusan telah dibuat untuk merombak Tentera Pembebasan Burma. Dengan 30 Komred sebagai asas, tentera ini telah diperkecilkan kepada 3 batalion. Aung San dilantik sebagai Panglima dan jumlah tenteranya dianggarkan seramai 3,000-4,000 orang. Oleh kerana adanya kekurangan peralatan serta latihan, 'kami' tidaklah mengharapkan sumbangan yang besar dari tentera ini di dalam kempen-kempen ketenteraan yang berikutnya. Pegawai-pegawai tentera Jepun yang pernah menganggotai *Minami Kikan* turut juga memberikan khidmat di dalam pasukan baru tentera Burma ini. Pasukan ini memulakan kempen tentera pada akhir bulan Mac 1942. Aung San dan rakan-rakannya bergembira sekali di beri peluang untuk menentang musuh.

Tentera Burma telah diarahkan menghala ke Barat di mana tentera Inggeris-India sedang berundur ke India. Tentera Burma cuma terlibat dalam satu pertempuran sahaja dan mereka tiba di Mandalay pada masa yang sama ketibaan tentera Jepun. Pada penghujung bulan Mei, kedua-dua pasukan ini sampai ke sempadan Cina-Burma di sekitar bandar Bhamo. Di sini berakhir kempen penaklukan Burma.

Melihat kepada prestasi tentera Burma ini tidak kedapatan sesuatu yang boleh dibanggakan. Pasukan tentera ini sebenarnya lebih mirip kepada satu kumpulan orang ramai yang tidak teratur yang telah diberikan peralatan tentera. Bagi anggota tentera Burma yang bukan dari anggota tentera biasa kempen yang baru lepas mempunyai pengertian besar yang sangat dibanggakan.

Memang tidak dinafikan bahawa anggota *Minami Kikan* telah

memberikan sumbangan serta kerjasama yang besar kepada Pasukan Tentera ke-15. Ini dapat dilihat dengan tugas-tugas yang bersabit dengan dakyah yang mengatakan bahawa kemasukan tentera Jepun adalah bertujuan untuk membebaskan Burma dari cengkaman kolonialisme Inggeris. Kami juga mengharapkan anggota *Minami Kikan* ini berfungsi sebagai pengumpul maklumat yang boleh digunakan oleh tentera Jepun. Harus diingatkan bahawa tentera Burma memang mempunyai pertalian yang erat dengan penduduk tempatan. Anggota-anggotanya mungkin berpakaian tentera tetapi sebenarnya mereka tidak berkemampuan sebagai anggota tentera. Oleh kerana bilangannya yang besar memang agak mustahil bagi tentera tempatan ini diberikan sebarang tugas sulit yang bercorak ketenteraan. Mungkin tentera ini lebih sesuai untuk menjalankan perang secara gerila di bahagian belakang musuh di samping berfungsi sebagai pengumpul maklumat di seluruh pelusuk negara. Ada di antara pegawai-pegawai Jepun yang berkhidmat di dalam tentera Burma yang telah memberikan sokongan kepada pendapat di atas.

Dari beberapa segi *Minami Kikan* gagal untuk memberikan bantuan secukupnya kepada tentera Burma yang mereka asaskan. Ini menyebabkan pergantungan mendapatkan bekalan makanan terpaksa dibuat kepada penduduk tempatan. Ini dilakukan dengan secara paksaan atau dengan kerelaan rakyat Burma. Paksaan ke atas penduduk tempatan mungkin dapat diterima sebagai alasan untuk mendapatkan makanan semasa pasukan Burma sedang menjalankan kempen ketenteraan. Tetapi di masa keadaan aman ini sudah keterlaluan. Ini telah membabitkan soal maruah tentera sendiri dan sebab itulah 'kami' tidak mahu menubuhkan satu pasukan tentera pribumi yang besar.

Setelah selesainya kempen ketenteraan dan keamanan dapat dipulihkan Aung San dan rakan-rakannya kelihatan tidak lagi mempercayai tentera Jepun. Mereka nampaknya sangsi terhadap tujuan-tujuan Jepun dan juga tujuan penubuhan pentadbiran tentera pada Julai-Ogos 1942. Sikap ini juga didapati di kalangan bekas anggota *Minami Kikan* seolah-olah mereka ini lebih suka kepada keadaan yang keruh daripada keadaan aman. Terdapat pada masa itu sikap seolah-olah mereka ini ingin menubuhkan sebuah kerajaan yang berasingan.

Setelah tamatnya kempen ketenteraan pentadbiran tentera ditubuhkan diikuti dengan Pentadbiran Burma Pusat dan penubuhan Tentera Pertahanan Burma. Pada masa itu *Minami Kikan* telah pun menunaikan tanggungjawabnya dan dibubarkan. Anggota Tentera Pembebasan Burma diberikan pilihan sama ada memasuki Tentera Pertahanan Burma atau pulang ke kampung masing-masing.

'Kami' juga telah menyediakan tambang pulang serta ganjaran khas bagi bekas anggota Tentera Pembebasan Burma yang pulang ke kampung. 'Kami' sedar bahawa bayaran ini amat kecil tetapi ianya adalah tanda terima kasih 'kami' kepada mereka yang terlibat. Walau bagaimanapun pembubaran Tentera Pembebasan Burma telah dijalankan tanpa sebarang masalah yang tidak diingini berlaku.

Daripada apa yang telah dijelaskan di atas setiap organisasi sulit bukanlah merupakan sesuatu yang biasa. Ketika keadaan telah menjadi tenteram anggota-anggotanya gagal bersikap seperti orang biasa dan cuma menonjolkan kekurangan diri mereka sendiri. Sepatutnya mereka ini mestilah mengambil kira sebarang perubahan dan seterusnya menyesuaikan diri mereka kepada keadaan baru yang terdapat.

KEBIMBANGAN TERHADAP MENGUATKAN TENTERA BURMA DARI SEGI KELENGKAPAN TIDAK BERASAS SAMA SEKALI

Tujuan utama penubuhan Tentera Pertahanan Burma di bawah Aung San ialah perlunya bagi negeri Burma mempunyai satu pasukan tentera kebangsaan yang serba lengkap apabila mencapai kemerdekaan nanti. Memang tidak mungkin bagi tentera ini mempunyai kapal terbang pejuang atau kereta kebal. Pemimpin-pemimpinnya mahukan orang-orang mereka diberikan latihan asas ketenteraan yang cukup. 'Kami' faham dengan kehendak-kehendak mereka dan bersetuju sepenuhnya. Tetapi Pasukan Selatan di Saigon mengatakan bahawa terdapat kekurangan kelengkapan tentera untuk tentera Jepun sendiri dan permintaan dari Burma ini ditolak begitu sahaja. Walaupun begitu 'kami' telah menubuhkan satu pasukan tentera yang baru yang mengandungi lebih kurang 3,500 anggota dan merangkumi 3 batalion infantri, dan 1 kompeni pasukan mesingan dan angkut.

Saya sedar memang terdapat kekurangan senjata untuk tentera Jepun pada masa itu tetapi saya yakin ini cuma dijadikan sebagai alasan semata-mata. Saya juga yakin pegawai-pegawai berkenaan di Pasukan Selatan telah melihat perkara ini dari sudut yang berlainan. Mereka bimbang sebenarnya akan digigit oleh anjing kesayangan mereka nanti. Di antara mereka ada yang pernah berkhidmat di negeri China dan menempuh pengalaman pahit di sana. Mereka juga menggunakan pengalaman ini untuk membuat penilaian kepada keadaan tempatan di Asia Tenggara. Ini sebenarnya memang tidak dapat diterima oleh Burma. Memang terdapat pengkhianatan terhadap tentera Jepun di China tetapi ini berpunca dari perlakuan tentera Jepun yang tidak jujur. Ini sangat berbeza dari keadaan yang terdapat di Burma. Rakyat Burma telah me-

nunjukkan kesediaan mereka untuk bekerjasama dengan tentera Jepun untuk mendapatkan kemerdekaan negara mereka. Tentera Jepun telah memasuki Burma dengan tujuan membebaskan rakyat Burma dari belenggu penjajahan Inggeris. Terdapat kepercayaan di antara satu sama lain dan ini tidak mungkin dapat berubah dengan sekelip mata sahaja. Dari apa yang saya nampak kebimbangan tentera Jepun terhadap tentera Burma memang tidak berasas sama sekali. Bukankah sekiranya tentera Burma diperkuatkan ini akan memberikan kebaikan kepada tentera Jepun juga.

Sebaliknya tentera Burma mempunyai alasan yang sangat kuat untuk tidak memberikan kepercayaan kepada tentera Jepun. Penolakan permintaan Burma bererti menghancurkan kebaikan dan hubungan erat antara Burma dan Jepun yang telah terjalin selama ini. Tentera Jepun mestilah membuat pilihan untuk memberikan kepercayaan sepenuhnya kepada rakyat tempatan atau memusuhi mereka. Dalam hal ini tidak ada jalan tengah.

Tentera Burma yang baru telah diberikan senjata untuk tujuan pertahanan tempatan serta menjaga keamanan dalam negeri. Aung San dan rakan-rakannya dilaporkan sebagai kecewa dan tidak berpuas hati dengan tumpuan yang diberikan kepada Tentera Kebangsaan India (Indo Kokumin Gun) pimpinan Chandra Bose yang mempunyai kelengkapan yang lebih memuaskan. Perasaan demikian memang ada asasnya.

PERLUKAH DITUBUHKAN PENTADBIRAN TENTERA DI BURMA

Memang menjadi satu persoalan yang rumit untuk menjawab sama ada perlu atau tidaknya penubuhan pentadbiran tentera di Burma. Jepun memang mempunyai pengalaman dalam memberikan bantuan kepada pergerakan nasionalisme tempatan. Jepun juga pernah menjanjikan kemerdekaan kepada nasionalis-nasionalis tempatan. Kemudian Perang Asia Raya telah meletus dan Burma juga turut terlibat. Rakyat Burma telah menerima kedatangan tentera Jepun dengan penuh harapan bahawa kemerdekaan yang mereka idamkan selama ini akhirnya akan tercapai. Apa yang berlaku berikutnya adalah di luar dugaan mereka. Tentera Jepun tidak memberikan kemerdekaan dan sebaliknya pentadbiran tentera dilaksanakan. Bagi rakyat Burma kemerdekaan terus menjadi satu impian. Perasaan kecewa di kalangan belia-belia Burma yang pernah dilatih di Jepun begitu ketara sekali.

Berkenaan dengan masalah di atas 'kami' terpaksa memberikan penerangan kepada nasionalis-nasionalis tempatan bahawa tentera Jepun terpaksa membatalkan kemerdekaan dan berperang sehingga musuh dapat dihapuskan. Harus juga diingatkan bahawa Burma

berada di kawasan hadapan medan perang. Oleh yang demikian terdapat hubungan yang sangat erat antara kehendak-kehendak ketenteraan dan dasar pentadbiran dan politik yang dapat dilaksanakan. Sekiranya dasar-dasar yang ketat yang disifatkan sebagai mengongkong tidak dijalankan maka kehendak-kehendak ketenteraan tidak akan tercapai. Pada masa itu terdapat keruntuhan jentera pentadbiran kerajaan dan di dalam tempoh pemulihan peranan aktif yang dimainkan oleh tentera Jepun memang tidak dapat dielakkan. Ini merupakan tujuan penting diadakan satu pentadbiran tentera di Burma buat sementara waktu dan bukanlah disebabkan 'kami' tidak memberi kepercayaan penuh kepada pemimpin-pemimpin Burma. Soal kemerdekaan Burma telah pun disentuh oleh Perdana Menteri Tojo Hideki dua kali pada awal tahun 1942 di Parlimen Jepun (Kokkai). Tojo juga telah merayu rakyat Burma supaya memberikan kepercayaan penuh kepada kerajaan Jepun.

Pentadbiran tentera telah dilaksanakan pada 3 Jun 1942 dan pada 1 Ogos 1943 Burma telah diisytiharkan sebagai sebuah negara merdeka. Pada 1 Ogos 1943 juga pentadbiran tentera dibubarkan. Jadi pentadbiran tentera wujud selama setahun sahaja. Perlukah ianya wujud selama ini? Apakah ada baiknya jika kemerdekaan Burma diisytiharkan pada tarikh yang lebih awal lagi seperti pada 1 Ogos 1942 semasa Pentadbiran Burma Pusat ditubuhkan. Sekiranya ini berlaku pentadbiran tentera itu tidak perlu sama sekali. Walaupun kemerdekaan diisytiharkan pada tahun 1943 saya fikir jangkamasa satu tahun pentadbiran tentera tidaklah begitu perlu. Apa yang penting 'kita' mestilah memberikan bantuan yang berkesan di dalam bentuk yang berlainan untuk mendapatkan hasil seperti yang 'kita' harapkan dari pentadbiran tentera. Yang penting perlunya kepercayaan di kedua-dua pihak dan sekiranya ini wujud langkah-langkah untuk kebaikan bersama akan dapat dijalankan dengan berkesan.

KEKUATAN TENTERA DAN TANGGUNGJAWAB MORAL: MANA YANG DIPENTINGKAN

Melihat kembali kepada akibat pentadbiran tentera Jepun di Burma terdapat kesan-kesan yang baik dan tidak kurang pula kesan-kesan yang buruk. Marilah melihat sejenak kesan-kesan buruk dan mengkaji sebab-sebab ini terjadi.

Selepas peperangan di Manchuria falsafah "kekuatan adalah kebenaran" begitu popular di kalangan tentera Jepun. Mengikut falsafah ini segala cara boleh digunakan untuk mencapai kemenangan dan kejayaan bererti kebenaran. Falsafah ini kemudiannya merebak ke bahagian lain seperti China dan Asia Tenggara.

Semasa berkhidmat di utara Vietnam saya sering dapati

pegawai-pegawai atasan menggalakkan tentera bawahan mereka untuk menceroboh supaya musuh dapat ditunjukkan kekuatan tentera Jepun. Nampaknya falsafah "kekuatan adalah kebenaran" begitu menebal di kalangan pegawai-pegawai juga. Akibatnya tentera Jepun bukan sahaja dimusuhi oleh tentera-tentera negara lain tetapi juga menyebabkan rakyat tempatan begitu benci dan memusuhi Jepun. Sebenarnya tentera Jepun telah pun mengalami kehancuran dalaman sebelum bulan Ogos 1945.

Dengan menunjuk-nunjukkan kekuatan tentera dan mengabaikan kebenaran, tentera Jepun juga telah memulakan keganasan. Ini juga akan menyebabkan rakyat mengubah sikap mereka yang pro-Jepun kepada anti-Jepun.

Saya tidak dapat menerima pendapat yang mengatakan sokongan rakyat tempatan dapat dibeli dengan kekuatan tentera. Semasa di Burma saya sangat mengharapkan hasil yang memuaskan dari segala dasar pentadbiran tentera yang telah dijalankan tetapi apa yang berlaku tidak seperti yang saya harapkan. Ini adalah berpunca dari berbagai-bagai sebab seperti sikap penasihat-penasihat Jepun di Burma atau sikap mementingkan keuntungan ekonomi. Pasti akan timbul masalah sekiranya seorang polis trafik Burma menahan seorang rakyat Jepun yang telah melakukan kesalahan jalan raya dan cuba pula mengajar undang-undang yang berkaitan. Polis Burma ini bukan sahaja akan dihina tetapi kemungkinan dipukul. Ini hanyalah satu contoh tetapi sebab penting bagi segala keburukan yang dilakukan oleh tentera dan pentadbir Jepun ialah kejahilan. Kejahilanlah sebab utama Jepun kehilangan sokongan rakyat tempatan dan kejahilan jugalah menyebabkan terhapusnya segala kebaikan yang pernah diwujudkan selama ini.

Menyorot kembali semangat pahlawan (Bushido), ianya begitu dibanggakan semasa perang Rusia-Jepun pada tahun 1904-05. Selepas perang Manchuria, sama ada pembunuhan rakyat tempatan yang tidak berdosa, atau kawat maut (death marches) di Bataan dan cerita-cerita lain yang kejam, kesemuanya mencerminkan kereputan semangat pahlawan itu sendiri.